

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, November 29, 2018 12:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kanak-Kanak Belum Matang Untuk Tempuhi Alam Pernikahan Yang Sangat Mencabar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

29 NOVEMBER 2018 / 21 RABIULAWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KANAK-KANAK BELUM MATANG UNTUK TEMPUHI ALAM PERNIKAHAN YANG SANGAT MENCABAR



UUM ONLINE: “Mengapa kita tidak menggalakkan perkahwinan kanak-kanak? Ada yang bertanya, apa masalah besar jika kita benarkan kanak-kanak berkahwin?”

“Mereka terlalu muda berumur antara 13 hingga 17 tahun yang menjadi punca perceraian kerana mereka belum matang untuk melalui alam pernikahan yang sangat mencabar.

“Mengikut fakta mengenai perceraian dari 2011 sehingga October 2016, 6,584 kes perkahwinan bawah 18 tahun terdapat 2,479 kes perceraian bawah 18 tahun,” kata Dr. Farah Dini Dusuki yang mendedahkan hal itu pada Seminar Undang-Undang Keluarga Islam: Isu Perkahwinan Luar Sempadan Dan Perkahwinan Kanak-Kanak anjuran Majlis Dakwah Negara (Kedah) dan Unit Penyelidikan Undang-undang Syariah dan Perniagaan Islam, Pusat Pengajian Undang-Undang (SOL) di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen, UUM, semalam.

Jelasnya, perkahwinan kanak-kanak merujuk kepada suatu ikatan yang sah (menurut undang-undang) atau secara adat di antara dua individu di mana salah seorang atau kedua-dua pasangan berusia di bawah 18 tahun.

Bagaimanapun, kanak-kanak lelaki bawah 18 tahun dan kanak-kanak perempuan bawah 16 tahun boleh berkahwin dengan izin Mahkamah Syariah di dalam keadaan-keadaan tertentu

“Bila permohonan dibuat, mahkamah akan menilai permohonan tersebut walaupun sah dari segi syarak tetapi undang-undang perlu diperketatkan demi memperkasa hak kanak-kanak, selain menyedari perkahwinan bawah umur merupakan suatu permasalahan yang mungkin menggugat kesejahteraan dan kebajikan mereka.

“Orang dulu-dulu berkahwin umur 12 tahun dan membesarkan anak-anak sehingga berjaya tetapi selepas 20 tahun merdeka, kita agak jarang mendengar perkahwinan dalam kalangan kanak-kanak kerana taraf pendidikan yang semakin meningkat,” katanya.

Perkahwinan kanak-kanak mula menimbulkan suatu kebimbangan di kalangan masyarakat pada tahun 2010 apabila media massa melaporkan seorang kanak-kanak berusia 10 tahun yang berkahwin dengan seorang lelaki berusia 40 tahun oleh bapanya sendiri.

Lebih membimbangkan, data yang dikumpulkan bagi saringan HIV pra-perkahwinan menunjukkan bahawa pada 2009, seramai 477 kanak-kanak perempuan bawah umur 15 tahun adalah sebahagian daripada pemeriksaan dan dua daripada mereka adalah kanak-kanak berusia 10 tahun.

Statistik ini menjadi tular (*viral*) di media (sehingga ia diturunkan) dan mendorong beberapa perbincangan mengenai kewajaran perkahwinan kanak-kanak di media massa. Peraturan eksploitasi kanak-kanak di Malaysia yang berlaku kerana perkahwinan sangat kecil. Kebanyakan kes perkahwinan kanak-kanak berlaku atas kehendak sendiri kerana sebab-sebab yang tertentu dan ia adalah berlainan dengan keadaan di negara lain,

Hasil kajian UNICEF 2016-2017 menunjukkan faktor-faktor yang mendorong kepada fenomena ini ialah latar belakang ekonomi keluarga yang rendah, skil keibubapaan yang tidak efektif, kanak-kanak berhenti sekolah, isu seksual dan kesihatan reproduktif dan faktor pendidikan. Separuh dari pemohon lelaki telah tamat SPM tetapi telah terlibat dengan hubungan seks luar nikah maka mereka terpaksa memohon untuk berkahwin sebelum mencapai 18 tahun.

Terdapat sembilan kes kanak-kanak dari sekolah agama yang memohon untuk berkahwin awal atau bawah umur walau pun mereka tidak terlibat dengan hubungan seks luar nikah.

Mereka ingin berkahwin untuk menjaga diri daripada melakukan maksiat dan juga kerana motivasi agama (religious motivation).

Dr. Farah Dini berkata, bagi mengatasi masalah ini perlu ada suatu pelan tindakan bersepadu lengkap dengan jangkamasa yang jelas bagi menetapkan pemahaman jitu kepada nilai agama dan budaya yang berasaskan nilai dan bukannya bentuk semata-mata (*substance over form*).

Menurutnya, akses kepada pendidikan terhadap semua kanak-kanak agar mereka tidak keciciran dan terlibat di dalam kancah moral lantas membawa kepada fenomena perkahwinan kanak-kanak.

Ujarnya lagi, pendidikan kesihatan re-produktif yang berstruktur dan berkesan bagi memperkasakan kanak-kanak untuk menjaga diri mereka sendiri dengan lebih selamat di samping menyediakan pendidikan kemahiran menjadi ibu bapa adalah sangat penting di peringkat pra dan pasca perkahwinan.

Dr Farah Nini Hj Dusuki, merupakan Pensyarah Kanan, di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya (UM), Konsultan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia dan Ahli Majlis Kanak-kanak Kebangsaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sementara itu, Prof Madya Dr. Mohammad Azam Bin Hussin dari Pusat Pengajian Undang-undang berkata, perkahwinan di bawah umur kanak-kanak merupakan masalah ummah yang menjadi isu nasional.

“Perkahwinan kanak-kanak perlu mendapat keizinan mahkamah tapi ada yang ambil keputusan sendiri misalnya kes yang menggemparkan Malaysia baru-baru ini apabila lelaki 40 tahun bernikah dengan kanak-kanak 11 tahun.

“Bolehkah seorang kanak-kanak melaksanakan tugas hakiki sebagai isteri atau suami sedangkan orang dewasa dalam usia kita yang sudah matang dan layak mendirikan rumahtangga pun masih banyak tanggungjawab yang tidak tertunai, inikan pula kanak-kanak yang sewajarnya pada usia begini melanjutkan pendidikan.

“Untuk memahami falsafah perkahwinan bukan mudah, memang seronok bernikah tetapi mendirikan rumahtangga merujuk kepada pengisian perkahwinan itu sendiri.

“Kahwin rentas sempadan banyak menimbulkan masalah di kemudian hari terutamanya bila berlaku perceraian, kematian, tuntutan nafkah, pendaftaran sekolah anak, tuntutan nafkah anak, tuntutan hak penjagaan dan sebagainya kerana tidak mempunyai dokumen yang sah,” katanya.

Puan Nur Afni, Hakim Mahkamah Syariah Rendah Kedah pula berkata, dalam konteks negara ini, Mahkamah Syariah berautoriti untuk memutuskan kes agar tidak menimbulkan kekecohan dalam masyarakat dan terdapat kes mahkamah membenarkan atas dasar mengelakkan terjerumus ke dalam lembah penzinaan atau pun kerana kanak-kanak berkenaan telah terlanjur atau hamil.

Selain itu ujarnya, kahwin lari, nikah koboi, perkahwinan luar sempadan antara istilah yang digunakan yang didorong oleh faktor cepat, murah, poligami, ingin bernikah tapi enggan istihar pernikahan, mengandung tanpa nikah (terlanjur) antara punca berlakunya kahwin luar sempadan.


“Hukum Syariah tidak pernah menghalang pasangan untuk berkahwin di luar, yang penting perkahwinan yang dilangsungkan mesti memenuhi hukum syarak dan undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.

Pengarah seminar, Dr. Fauziah Mohd Noor yang merupakan Pensyarah Kanan dari Pusat Pengajian Undang-undang merangkap Naib Pesuruhjaya II, MDN Kedah berkata, seminar ini bertujuan memberi maklumat dan kesedaran kepada masyarakat mengenai undang-undang perkahwinan di negara kita.

“Pernikahan sempurna bukan semata-mata melibatkan orang dewasa tetapi setiap perkahwinan akan menyentuh tentang hak dan tanggungjawab terhadap anak. Pernikahan luar sempurna bukan sahaja memberi kesan kepada orang yang berkahwin tetapi juga kanak-kanak.

Dr Fauziah menyimpulkan, “Perkahwinan luar sempurna dan pernikahan bawah umur adalah amat penting untuk dilihat dari sudut undang-undang Syariah, undang-undang Sivill dan adat.

“Seminar ini juga bertujuan melihat prosedur-prosedur Mahkamah Syariah yang berkaitan perkahwinan kanak-kanak dan cabaran-cabarannya,” katanya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.